

January 2015




UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

th  
ISSUE

# 69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN





# LAWATAN PENANDA ARAS KE UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Serapi telah mengadakan satu lawatan penanda aras ke Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 9 Oktober 2014. Lawatan ini disertai oleh 30 orang jawatankuasa perwakilan kolej bersama seorang pegawai pengiring, Dr. Angel Helen Puspam. Lawatan ini bertujuan untuk membentuk satu hubungan kerjasama yang positif di antara dua universiti yang berlainan organisasi.

Kejayaan dan keupayaan UUM menjadi universiti pengurusan terkemuka di Malaysia dalam bidang akademik, kokurikulum, dan penyelidikan memberi peluang kepada pihak JPK Seri Serapi untuk meninjau kejayaan UUM sebagai inspirasi dan menjadi penanda aras dalam membuat penambahbaikan pada masa hadapan.

Hasil daripada lawatan penanda aras ini sangat memberangsangkan dan ia merupakan satu langkah proaktif di dalam usaha untuk mewujudkan peluang kerjasama di antara UiTM dan UUM.



## Knowledge Exploration di Sabah




Pada 29 Oktober sehingga 4 November 2014, satu program lawatan sambil belajar **Knowledge Exploration** telah diadakan oleh 24 orang pelajar dari Kumpulan AM 228 6A dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Polisi program Sarjana Muda Sains Pentadbiran. Lawatan ini diketuai oleh Ashrool Alyff Sulaiman dan diiringi oleh 2 orang pensyarah, Puan Noorfadhleen Mahmood dan Lt Kolonel (B) Saiful Anwar Md Ali.

Di antara organisasi yang telah dilawati ialah Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Sabah (JASA), Sabah Ekonomi Development Cooperation (SEDCO), Kementerian Komunikasi Multimedia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Kota Kinabalu (KPDNKK) dan Markas Briged 5 Kem Lok Kawi. Lawatan sambil belajar ke organisasi-organisasi berikut telah memberikan pengetahuan dan pengalaman mengenai cara pengurusan dalam bidang pentadbiran, pembangunan ekonomi di Sabah, hak-hak sebagai seorang pengguna, cukai yang akan dilaksanakan oleh kerajaan pada 1 April 2015 iaitu *Goods and Services Tax* (GST), dan perancangan strategik untuk menjaga keselamatan di negeri Sabah.

Semasa di Kementerian Komunikasi Multimedia, para pelajar telah diberi peluang oleh pihak Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah (RTM) untuk merasai pengalaman sebagai pembaca berita dan penyampai radio. Salah seorang pelajar iaitu Napsiah bt Jaa'far telah diberi peluang untuk merasai sendiri pengalaman ke udara secara langsung melalui program Santai Petang bersama DJ Fatin.

Selain itu, para pelajar juga sempat berkunjung ke tempat-tempat menarik di Sabah seperti First Beach Tanjung Aru, Pasar Philippines, Wildlife Zoo National Park, Kundasang, Desa Dairy Farm dan Rumah Terbalik. Para pelajar juga berkesempatan untuk melawat beberapa pulau yang menarik di Negeri Sabah seperti Pulau Sapi, Pulau Manukan dan Pulau Mamutik. Semasa berada di pulau, para pelajar telah mempelajari mengenai sejarah pulau tersebut dan melakukan aktiviti santai seperti *snorkelling*, *Banana Boat* dan juga *Parasailing*. Pada hari terakhir, para pelajar berkesempatan untuk menikmati makan malam bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sukau iaitu Y.B Datuk Saddi bin Abdul Rahman di Restoran Makanan Laut yang terkenal di Sabah.





**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK**

## **Corporate Communications & International Relations**

**Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,  
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,  
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300  
E-mail: [corporate@sarawak.uitm.edu.my](mailto:corporate@sarawak.uitm.edu.my)  
[www.sarawak.uitm.edu.my](http://www.sarawak.uitm.edu.my)**